



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

02hb. Julai 2018

**“BERJIMAT SAMBIL BERKHIMAT”**

Pengerusi / Setiausaha / AJK

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG PEMBIAYAAN PINJAMAN PELABURAN –  
AMANAH SAHAM 1 MALAYSIA (AS1M) OLEH KOPERASI POLIS  
DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

---

**1. LATARBELAKANG**

1.1 Hasil daripada kerjasama dengan pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), satu lagi Skim Amanah Saham iaitu Amanah Saham 1 Malaysia serta dinamakan AS1Mi-KOP kini diperkenalkan dikalangan anggota KPDRM yang bukan bertaraf bumiputra. Sebanyak RM300 juta dana AS1M telah diluluskan untuk ditawarkan kepada anggota KPDRM yang layak menerusi pembiayaan pinjaman AS1Mi-KOP.

1.2 Dalam masa yang sama juga KPDRM telah mengkaji serta meneliti dan seterusnya bersetuju bahawa syarat-syarat pinjaman AS1Mi-KOP adalah sama dengan syarat-syarat pinjaman ASBi-KOP yang mana ianya adalah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh PNB dan BMMB.

**2. TUJUAN**

2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 24/05/2018 telah mengambil ketetapan bagi mengemaskini dan seterusnya menawarkan pinjaman AS1Mi-KOP ini kepada mereka yang berkelayakan.

### **3. JUMLAH PEMBIAYAAN BAGI PERMOHONAN PINJAMAN SKIM PELABURAN AS1Mi-KOP SERTA SYARAT PEMBIAYAAN**

3.1 Jumlah maksima pembiayaan bagi setiap anggota adalah sebanyak **RM10,500.00** (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Lima Ratus Sahaja).

3.2 Pembiayaan ini hanyalah untuk tujuan menyertai **Skim Pelaburan AS1Mi-KOP** sahaja dengan kadar pembiayaan yang dikenakan adalah sebanyak **4.99%** setahun.

3.3 Syarat-syarat pembiayaan adalah seperti Aturan Pinjaman Persendirian – ASB (Sila Rujuk Lampiran A).

### **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1 Perlaksanaan ketetapan di para (3) adalah berkuatkuasa serta-merta mulai dari pekeliling ini.

### **5. PENUTUP**

5.1 Pembiayaan ini bertujuan untuk menggalakkan anggota koperasi menabung dalam skim AS1Mi-KOP agar dapat memberikan pulangan yang besar kepada anggota.

5.2 Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”**

Yang Benar

  
**DATO' ZULKABLI BIN AHMAD**  
SETIAUSAHA